

Siemens rancang buka kilang

SIEMENS

SIEMENS Malaysia Sdn Bhd merancang membuka kilang pemasangan tempatan pembinaan gerabak, sekiranya syarikat itu dipilih penyedia sistem projek Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, M Prakash Chandran berkata, kilang pemasangan tempatan itu mematuhi syarat kerajaan iaitu sekurang-kurangnya menggunakan 30 peratus kandungan tempatan.

Mengenai bidaan projek MRT semasa, Siemens Malaysia peroleh kelayakan awal menerusi empat daripada 11 pakej kerja termasuk tren elektrik, depot kerja dan penyelenggaraan peralatan dan sebagainya.